

EKSKLUSIF

JULAI 2017



# SETARA 2017: UniMAP RAIH LIMA BINTANG

**KUALA LUMPUR** - 16 November 2017, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mencatat rekod tersendiri apabila meraih Anugerah Penarafan Cemerlang 'Lima Bintang' menerusi Penilaian Penarafan Universiti & Kolej Universiti (SETARA) 2017 kategori 'Mature University'.

Anugerah itu disampaikan oleh Menteri Pengajian Tinggi YB Dato' Seri Idris Jusoh di Hotel Intercontinental di Kuala Lumpur. UniMAP layak menerima anugerah berkenaan selepas memperolehi markah keseluruhan paling cemerlang bagi kriteria penyelidikan sebanyak 96 peratus selain turut memperoleh markah melebihi median Universiti Awam (UA) bagi kriteria Umum dan Pengajaran & Pembelajaran.

Penilaian di UniMAP berlangsung pada 19 September lalu oleh tiga panel auditor iaitu Dekan Fakulti Kejuruteraan Universiti Multimedia Prof Ir Dr Wong Hin Yong, Prof Madya Ir Dr Nawal Aswan Abdul Jalil dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan serta Prof Madya Dr Mohd Fadlee A. Rasid dari Jabatan Kejuruteraan Sistem Komputer & Komunikasi, keduanya dari Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Bagi Indeks Kepuasan Pelajar (SSI) pula melibatkan 563 pelajar tahun akhir dijalankan di makmal komputer di Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK) Sistem Elektrik dan PPK Mikroelektronik. SETARA 2017 bertujuan untuk membantu universiti membina asas kukuh dalam menyampaikan tiga fungsi utama iaitu pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan melalui penilaian menyeluruh mengikut metrik yang ditetapkan.

Selain itu SETARA turut mempromosi kecemerlangan institusi dan mengenal pasti kepelbagaian bidang tujahan dalam kalangan institusi pendidikan tinggi negara.



**EXCELLENT**

